

Kerajaan kaji semua kemungkinan

BH - 4 JUL 2000

Oleh Zulkoffi Jamaludin dan Shamsul Azree Samshir

IPOH, Isnin - Kerajaan melihat semua kemungkinan, termasuk motif politik, dalam kes kecurian 146 senjata api pelbagai jenis di Kem Batalion 304 Infantri Askar Wataniah di Grik semalam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, semua kemungkinan perlu dikaji sehingga bukti jelas diperolehi.

"Kita tidak boleh tolak apa-apa kemungkinan sehingga kita dapat bukti jelas. Tetapi setakat ini kita tidak nampaklah lagi. Tapi kita tahu bahawa senjata adalah sesuatu yang mempunyai pasaran baik," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat MT Umno di sini, hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas kecurian 146 senjata api pelbagai jenis, termasuk raifal M16, Steyr dan kira-kira 5,000 butir peluru dalam dua kejadian berasingan di Grik semalam.

Dr Mahathir berkata, arahan meminta kawalan keselamatan diadakan le-

**"
Semua kemungkinan dalam kes kecurian 146 senjata api pelbagai jenis di Kern Batalion 304 Infantri Askar Wataniah di Grik perlu dikaji hingga bukti jelas diperolehi
"**

- Dr Mahathir

bih cermat dan lebih serius terhadap senjata api sudah dikeluarkan kepada pihak terbabit sejak beberapa kes seumpamanya di kem tentera dan polis sebelum ini.

"Sejak ada senjata yang dicuri dari tentera dan polis, kita dah keluarkan arahan supaya menjaga dengan cermat, lebih serius mengenai keadaan senjata.

"Tapi nampak kali ini, kerana orang yang terbabit itu mempunyai pakaian celoreng dan tanda leftenan kolonel pangkat tinggi, jadi pegawai biasa initergaman sedikit barang kali," katanya.

Ditanya kemungkinan kes kecurian itu adalah suatu permulaan kepada kejadian lebih besar, Dr

Mahathir berkata:

"Saya tidak tahu sama ada ia adalah permulaan kepada sesuatu lebih besar, itulah saiznya (jumlah kecurian).

"Kita boleh menangani masalah itu tapi apa yang membimbangkan ialah kemungkinan senjata api itu dijual kepada pihak tertentu yang memerlukannya," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan sudah mengarahkan siasatan menyeluruh dibuat mengenai kejadian itu.

"Pihak tentera sudah dikerah untuk ambil tindakan dan kita yakin dapat menguasai keadaan," katanya.

Pada majlis yang sama

juga, Perdana Menteri menyanan Bumiputera belajar mengurus kewangan dan harta untuk mengelak hartanah yang dimiliki mereka hilang.

Menurut beliau, kerajaan menerusi agensi kerajaan negeri boleh memajukan hartanah Bumiputera, tetapi mereka sendiri harus faham mengurus kewangan.

"Sekiranya tanah di luar bandar dibangunkan seba-

gai bandar, nilainya akan naik seperti di Langkawi.

"Nilai tanah di pulau pelancongan itu meningkat daripada RM1,000 bagi keluasan 0.4 hektar kepada RM250,000 hingga RM500,000 sekarang," katanya.

Beliau mengulas laporan akhbar yang melaporkan jurang perkongsian kekayaan antara kaum masih luas dengan Bumiputera hanya menguasai kurang

10 peratus atau 16,185 unit daripada 161,850 unit hartanah komersil di seluruh negara.

Laporan firma penilai hartanah, Rahim & Co Sdn Bhd menunjukkan daripada 15 kompleks beli-belah di Kuala Lumpur, hanya 138 ruang perniagaan dimiliki Bumiputera.

Dr Mahathir berkata, jumlah pemilikan Bumiputera kecil kerana mereka miskin dan tidak mempu-

nyai banyak harta yang boleh dimajukan secara komersil.

Katanya, tanah yang dimiliki pula kebanyakan di kawasan luar bandar dan berstatus simpanan Melayu.

"Dari segi nilai, tanah milik Bumiputera rendah kerana nilai 0.3 meter tanah di bandar sama nilainya dengan 0.2 hektar tanah di luar bandar," katanya.